

MAJLIS PELANCARAN SEDEKAD SKIM PENGESAHAN BAHAN TANAMAN



Serdang, 7 Ogos – Majlis Pelancaran Sedekad Skim Pengesahan Bahan Tanaman Jabatan Pertanian ini merupakan satu manifestasi penghargaan oleh Kerajaan terhadap pencapaian dan usaha pemain industri yang sentiasa komited untuk meningkatkan kualiti sistem pengurusan sumber dalam pengeluaran agromakanan secara lestari sesuai dengan pemilihan tema, “Benih, Asas Sekuriti Makanan Negara”.

Pengeluaran bahan tanaman yang tulen, berkualiti dan bebas penyakit memberi impak kepada kesejahteraan dan kesihatan rakyat. Justeru itu, Kerajaan sentiasa memberikan fokus kepada pengeluaran bahan tanaman tulen dan berkualiti melalui pematuhan prosedur pengeluaran bahan tanaman dan pencapaian standard yang ditetapkan.

Selaras dengan hasrat tersebut, Jabatan Pertanian telah membangunkan Skim Pengesahan Bahan Tanaman (SPBT) pada tahun 2009 dan telah dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2012.